

PENTAKSIRAN DALAM PENDIDIKAN MORAL

Teo Lai Yong

(teo_iptb@yahoo.com)

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

Gan Chee Meng

(pcghsgcm@yahoo.com)

Penang Chinese Girls' High School

ABSTRAK

Penilaian merupakan sebahagian proses pembelajaran dan pengajaran (PdP). Penilaian di sekolah adalah penting untuk mengesan perkembangan murid, mengetahui keberkesanan PdP serta untuk guru merancang dan mengambil tindakan susulan yang sepatutnya. Seperti subjek lain yang terdapat dalam kurikulum kebangsaan, Pendidikan Moral (PM) juga mengalami transformasi dalam aspek penilaian. Walau bagaimanapun, tidak seperti subjek lain, PM perlu dinilai dari tiga domain; iaitu domain kognitif, afektif, dan tingkah laku. Walaupun terdapat peratusan kelulusan yang tinggi dalam peperiksaan umum, gejala sosial melibatkan remaja dan pelajar sekolah yang melanda negara kita menunjukkan hasil atau produk yang tidak seperti diharapkan. Justeru itu, terdapat pelbagai masalah dalam pentaksiran PM. Masalah yang dihadapi ditambah dengan masalah guru kurang pengalaman, pandangan serong pelajar sendiri, masyarakat dan juga pihak sekolah memberatkan isu ini. Dengan transformasi pendidikan dan seterusnya transformasi dalam penilaian seperti Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan format peperiksaan yang berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), adakah penilaian PM untuk menghasilkan “...pelajar bersahsiah terpuji serta berkeperibadian tinggi...”, “...melahirkan insan yang seimbang dan harmonis ... berakhlak mulia, bertanggungjawab...” selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan akhirnya dapat direalisasikan?

Kata kunci: penilaian, pentaksiran, Pendidikan Moral

Pengenalan

Pentaksiran adalah untuk memantau dan mengetahui keberkesanan dan kecemerlangan program yang dilaksanakan serta merupakan sebahagian daripada proses PdP (Sulaiman Shamsuri, 2008). *Penilaian merupakan satu proses sistematik yang dijalankan dengan tujuan mengumpul maklumat untuk membuat suatu tafsiran* (Tam, 2006). Pentaksiran adalah satu bahagian penting, bukan sahaja dalam pendidikan, tetapi dalam kehidupan harian kita. Dalam pendidikan, aktiviti pentaksiran merupakan sebahagian proses pembelajaran dan pengajaran (PdP). Di sekolah, pentaksiran dalam bilik darjah dijalankan secara berterusan. Aktiviti pentaksiran bertujuan untuk mengesan penguasaan dan kemajuan pelajar di mana maklumat atau maklum balas tersebut akan digunakan untuk merancang PdP serta meningkatkan kemajuan pelajar. Pentaksiran di sekolah adalah penting untuk mengesan perkembangan pelajar secara menyeluruh dan terperinci, mengetahui keberkesanan PdP serta untuk guru merancang dan mengambil tindakan susulan.

Kepentingan Pentaksiran

Seseorang guru menjalankan pentaksiran untuk memastikan pencapaian objektif PdP dalam kelas, dan untuk merancang PdP yang seterusnya. Yang paling penting, pentaksiran dilaksanakan untuk mengesan kebolehan, kemajuan dan pencapaian pelajar. Guru memainkan peranan penting dalam aktiviti pentaksiran. Guru perlu memastikan hasil PdP yang hendak dinilai, membuat perancangan dan membina instrumen pentaksiran. Selepas pelaksanaan pentaksiran, guru perlu menganalisis maklumat, melapor dan mengambil tindakan susulan untuk memastikan pelajar mencapai potensi diri, dan pada masa yang sama, mencapai standard yang telah ditentukan. Pentaksiran dijalankan secara formal dan tidak formal. Melalui aktiviti pentaksiran, guru dikehendaki memastikan pencapaian pelajar memenuhi potensi perkembangan individu secara holistik; iaitu menyeluruh dan bersepadu, dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Apabila dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dalam PdP, guru dapat membantu pelajar mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi supaya kelemahan atau kekurangan tersebut tidak terhimpun dan menjadi lebih mudarat. Kekuatan pelajar dalam menguasai sesuatu kemahiran atau nilai dapat diperkukuhkan dan diperkayakan. Guru dapat membantu murid mempertingkatkan lagi potensi dan seterusnya memperoleh pencapaian yang cemerlang. Selaras transformasi pendidikan yang dilaksanakan, pentaksiran dalam pendidikan kini mengalami pelbagai transformasi juga.

Pentaksiran dalam Pendidikan Moral

Seperti subjek lain, Pendidikan Moral (PM) juga mengalami transformasi dalam pentaksiran. PM mula dilaksanakan secara formal pada tahun 1983 dalam kurikulum kebangsaan. Pada tahun 1993, PM mula dinilai sebagai sebuah subjek dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh sebab PM merupakan salah satu mata pelajaran teras di dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah, setiap pelajar bukan Islam diwajibkan menduduki peperiksaan pusat ini. Memandangkan moral merupakan sesuatu yang amat subjektif, pentaksiran

secara objektif merupakan satu cabaran. Setelah beberapa semakan, kini pentaksiran PM dilaksanakan melalui dua kertas, Kertas Satu mentaksir pengetahuan moral manakala Kertas Dua mentaksir domain afektif moral dan perlakuan moral yang ada pada calon (Vishalache, 2010).

Pada tahun 1983 hingga 1996, PM yang pada masa itu dikenali sebagai Pengetahuan Moral Kod 1225 hanya mempunyai satu kertas yang menilai domain pentaakulan moral calon. Item-itemnya menguji pengetahuan, kefahaman, keupayaan menganalisis, menghurai, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Format kertas soalan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan B (Sila rujuk Jadual 1). Oleh sebab pentaksiran tertumpu kepada domain kognitif, PM pada masa itu dikenali sebagai Pengetahuan Moral Kod 1225.

Jadual 1: Format Kertas SPM 1225/1 Pengetahuan Moral Mulai 1993

Bahagian	Kandungan Ujian	Jumlah Soalan	Jenis Soalan	Bentuk Soalan	Markah
A(I)	Pengetahuan tentang nilai	20	Objektif	Soalan objektif (Berbentuk Aneka Pilihan)	30
A(II)	Pemahaman tentang nilai	10	Struktur	Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam ruang yang disediakan dengan berdasarkan rangsangan.	100
B	Pengetahuan, mengaplikasi, menganalisis serta menggunakan pengetahuan moral.	3	Esei	Calon dikehendaki menjawab semua soalan esei dengan berdasarkan rangsangan yang berbentuk dilemma, isu atau peribahasa yang berkaitan dengan nilai moral.	45
				Jumlah	175

Sumber: Hishamuddin Md. Tap, Jamilah Hj. Baron dan Sim Ee Hwa (1993). *Revisi Lengkap SPM Pengetahuan Moral KBSM Edisi 1994/1995*. Petaling jaya: Sasbadi.

Terdapat rungutan yang ditimbulkan oleh ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar tentang pentaksiran yang dilakukan. Di antara rungutan mereka ialah:

- a) terlalu banyak soalan yang ditanya dan kesuntukan masa untuk menganalisis serta menjawab semua soalan.
- b) jumlah markah kertas ini ialah 175, merupakan kertas yang terlalu sukar untuk mencapai prestasi cemerlang, iaitu Gred A.
- c) ramai pendidik dan pelajar pendidikan moral sendiri pun tidak dapat membezakan nilai dan sub-nilai, apatah lagi mengaplikasikan nilai dalam menjawab soalan peperiksaan.
- d) dalam soalan Aneka Pilihan, tidak semua soalan mempunyai satu jawapan yang betul. Ada soalan yang mempunyai dua atau tiga jawapan yang betul. Jawapan yang paling tepat diberikan 2 markah manakala jawapan yang kurang tepat diberi 1 markah. Jawapan yang tidak tepat diberi 0 markah. Keadaan ini mungkin menimbulkan kekeliruan kepada calon kerana latar belakang calon yang berlainan akan mentafsir jawapan yang “paling tepat” secara berlainan.

- e) pencapaian cemerlang dalam Pengetahuan Moral 1225 tidak membuktikan calon tersebut seseorang insan yang berakhlak mulia. Hal ini demikian kerana domain afektif dan perlakuan moral tidak ditaksir.

Berdasarkan penilaian semula yang dilaksanakan, terdapat pengubahsuaian pada format kertas soalan peringkat SPM. Mulai tahun 1997, format kertas soalan Pengetahuan Moral diubahsuai (Sila rujuk Jadual 2). Masa ujian masih kekal sama, iaitu 2 jam 30 minit. Setelah pengubahsuaian, format ini digunapakai sehingga tahun 2003.

Jadual 2: Ringkasan Perubahan Kertas Soalan SPM 1225 Pengetahuan Moral Mulai 1997 dan Perbandingan dengan format 1993-1996

Tahun Bahagian	Format 1993 – 1996	Format Mulai 1997
A (I)	20 Soalan Objektif Aneka Pilihan (MCQ) (Bahagian ini adalah untuk menguji pengetahuan, kefahaman, keupayaan menganalisis, menghurai, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.)	20 soalan Objektif Pelbagai Bentuk seperti padanan, betul/salah, isi tempat kosong dan sebagainya. (Bahagian ini adalah untuk menguji pengetahuan dan kefahaman)
A(II)	10 Soalan Struktur (Bahagian ini adalah untuk menguji pengetahuan, kefahaman, keupayaan menganalisis, menghurai, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.)	8 soalan Struktur (Bahagian ini adalah untuk menguji keupayaan menghurai dan menganalisis)
B	3 Soalan Esei (Bahagian ini adalah untuk menguji pengetahuan, kefahaman, keupayaan menganalisis, menghurai, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.)	2 Soalan Esei (Bahagian ini adalah untuk menguji keupayaan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan)

Sumber: Muhamad Ashraff, C.M. Chin, Kathir D. (1997) *Prestasi Dinamik Pengetahuan Moral SPM-KBSM*. Selangor: Federal Publications.

Mulai tahun 1997 juga, Kertas Dua yang menilai domain afektif dan perlakuan moral diperkenalkan. Kertas ini berbentuk pemerhatian dikhususkan untuk menguji penghayatan nilai murni yang tidak dapat diuji dalam Kertas Satu. Pemerhatian dilakukan terhadap sikap dan tingkahlaku calon semasa perbincangan kumpulan, memberi pendapat dan melaksanakan kerja amali. Masa yang diperuntukkan untuk mentaksir adalah semasa calon berada di Tingkatan Empat hingga bulan Jun Tingkatan Lima. Akan tetapi, Kertas Dua ditaksir di peringkat sekolah oleh guru mata pelajaran masing-masing dan dikenali sebagai Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS). PKBS ialah satu sistem penilaian tentang kebolehan dan prestasi pelajar yang dijalankan oleh pihak sekolah. Instrumen penilaian direka bentuk oleh guru dan bukan oleh agensi peperiksaan di peringkat pusat. Instrumen dibina oleh sekumpulan guru di sesebuah daerah dengan bimbingan pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah (Abdul Aziz Shamsudin, 1997 dan Tan Kim Hock, 1998).

Jadual 3: Format Kertas SPM 2225/1 Pengetahuan Moral – KBSM Mulai 1997

Bahagian	Kandungan Soalan	Jumlah Soalan	Jenis dan Bentuk Soalan	Markah
#PKBS	Pengetahuan, mengaplikasi, menganalisis dan menggunakan pengetahuan moral	Tidak tentu	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi pendapat • Amali • Pemerhatian dari sesi perbincangan 	30
A	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan tentang moral • Kefahaman tentang nilai moral 	20	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan Objektif <ul style="list-style-type: none"> ○ Calon dikehendaki membuat pilihan jawapan yang betul atau yang tepat dari pilihan tindak balas (jawapan) yang disediakan. Jawapan mungkin dipilih daripada dua atau lebih pilihan. ○ Contoh: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Item betul-salah ▪ Item padanan 	20
B	<ul style="list-style-type: none"> • Pemahaman tentang nilai moral • Menggunakan pengetahuan moral • Menghurai dan menganalisis 	8	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan struktur <ul style="list-style-type: none"> ○ Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam ruang yang disediakan dengan berdasarkan rangsangan. 	80
C	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan • Aplikasi • Analisis • Menggunakan pengetahuan moral • Penyelesaian masalah dan membuat keputusan 	2	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan esei <ul style="list-style-type: none"> ○ Calon dikehendaki menjawab semua soalan berdasarkan rangsangan berbentuk dilemma, isu atau peribahasa yang berkaitan dengan nilai. 	30
# PKBS – Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah				

Sumber: Tan Kim Hock. (1998) *Skor A Dalam SPM Pengetahuan Moral*. Selangor: Penerbitan Pelangi.

Perubahan format kertas soalan yang utama melibatkan soalan objektif Aneka Pilihan digantikan dengan soalan objektif Pelbagai Bentuk seperti padanan, betul/salah, isi tempat kosong dan sebagainya. Selain itu, bilangan soalan esei telah dikurangkan dari tiga soalan kepada dua soalan. Domain afektif dan perlakuan moral ditaksir secara PKBS melalui Kertas Dua dan diperuntukkan 30 markah. Hasil pentaksiran dilaporkan secara berasingan. Gred pelaporan Kertas 1 dikenali sebagai Pengetahuan Moral dilaporkan mengikut gred SPM manakala gred pelaporan Kertas 2 dikenali sebagai Pendidikan Moral dilaporkan mengikut skala A, B, C atau D dan pihak sekolah diminta mengeluarkan sijil pencapaian kepada pelajar masing-masing. Kesemua perubahan ini telah dapat mengurangkan rungutan awam.

Akan tetapi, masih terdapat rungutan bahawa pentaksiran 30 markah menerusi PKBS tidak dicampurkan ke dalam markah peperiksaan pusat. Selain itu, pentaksiran secara pemerhatian sukar dijalankan dengan jitu kerana nisbah guru dan pelajar yang ramai di sekolah-sekolah tertentu. Keadaan ini mengakibatkan guru tidak

dapat mengenalpasti pelajar-pelajarnya. Selain daripada itu, guru sukar mentaksir pelajar sepanjang masa kerana jumlah waktu PM hanyalah 3 waktu seminggu. Sekiranya guru mendapatkan maklum balas dan temubual daripada guru lain atau pelajar lain untuk mentaksir perlakuan seseorang pelajar, sikap pilih kasih mungkin akan menjejaskan kejituan pentaksiran. Tambahan pula, guru-guru yang mengajar PM sering berubah.

Pihak pentadbir sekolah menganggap PM sebagai subjek untuk memenuhi bilangan waktu mengajar guru, perubahan guru kerap berlaku apabila terdapat rombakan jadual waktu. Guru yang mengambil alih kelas PM guru lain memerlukan masa untuk mengenali pelajar-pelajarnya sebelum mula mentaksir aspek-aspek afektif dan perlakuan moral. Lagi satu rungutan awam adalah terdapat guru yang tidak berminat atau tidak terlatih diberikan tugas mengajar PM, dan ini akan menjejaskan keberkesanan PKBS. Guru sedemikian akan mentaksir dengan sambil lewa, malah ada yang mungkin mengisi borang pentaksiran tanpa mentaksir atau mengenali pelajar-pelajarnya.

Salah satu kelemahan dalam sukatan pelajaran PM yang awal ialah kandungan akademik yang berulang. Selain itu, penjelasan nilai dan strategi perkembangan kognitif tidak mengambilkira kekayaan sosiobudaya yang ada pada pelajar-pelajar PM. Pengajaran PM yang statik dan berasingan lalu menjadikan pelajar tidak berminat terhadap subjek ini (Vishalache, 2010). Malah, 16 nilai utama dipecahkan kepada 64 sub-nilai menjadi beban kepada pelajar kerana pelajar perlu mempelajari 80 nilai. Pertindihan nilai dan sub-nilai juga mengelirukan para pendidik dan pelajar semasa menjawab soalan ujian.

Pada tahun 2000, kurikulum persekolahan kebangsaan telah disemak semula. Kandungan Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM (Semakan Semula) merangkumi bidang perkembangan diri, keluarga, alam sekitar, patriotisme, hak asasi manusia, demokrasi serta keamanan dan keharmonian. Sehubungan dengan kurikulum semakan semula, Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemaskinikan format pentaksiran bagi Pengetahuan Moral mulai 2004. Format tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Kurikulum Pusat, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil 1/2003 pada 10 Januari 2003 (Lembaga Peperiksaan, 2003).

Mulai tahun 2004, kertas tersebut dikenali sebagai Pendidikan Moral kod 1225. Format pentaksiran masih terdiri daripada dua kertas, iaitu Kertas Satu yang berbentuk Ujian Bertulis manakala Kertas Dua yang berbentuk Kerja Kursus. Kertas Satu dikhususkan untuk menguji daya pemikiran taakulan moral calon. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam tempoh 2 jam 30 minit. Kertas ini dibahagi kepada dua bahagian (Sila rujuk Jadual 4):

Bahagian A:

Bahagian ini khusus untuk menguji pengetahuan dan kefahaman serta keupayaan calon untuk menggunakan pemikiran yang rasional dan matang dalam membuat keputusan menyelesaikan masalah.

Bahagian B:

Bahagian ini mempunyai 3 pilihan soalan esei khusus untuk menguji keupayaan calon untuk menggunakan pemikiran yang rasional dan matang dalam menyampaikan pandangan atau pendapat. Ia juga menguji calon untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah di dalam sesuatu situasi.

Jadual 4: Perbezaan Format Baru Pendidikan Moral 1225 Kertas 1 (1225/1)

Perkara	Format Sedia Ada (1997-2003)	Format Mulai 2004
Jenis instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis
Jenis item	(Subjektif) Bahagian A – Objektif Bahagian B – Subjektif Bahagian C – Esei	(Subjektif) Bahagian A – Struktur Bahagian B – Esei
Bilangan soalan	Bahagian A – 20 soalan (jawab semua) Bahagian B – 8 soalan (jawab semua) Bahagian C – Esei 2 soalan (jawab semua)	Bahagian A – 8 soalan (jawab semua) Bahagian B – 3 soalan (pilih 2)
Jumlah Markah	Bahagian A – 20 Bahagian B – 80 Bahagian C – 30 Jumlah 130	Bahagian A – 80 Bahagian B – 20 Jumlah 100
Tempoh Ujian	2 ½ jam	2 ½ jam
Konstruk	Pengetahuan & Kefahaman 60% Kemahiran 40%	Pengetahuan & Kefahaman 32% Kemahiran 68%
Cakupan Konteks	Mencakupi semua bidang pembelajaran dari Ting. 4 hingga Ting. 5 (Sukatan lama)	Mencakupi semua bidang pembelajaran dari Ting. 4 hingga Ting. 5 (Sukatan baru)
Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi = 5 : 3 : 2	Rendah : Sederhana : Tinggi = 5 : 3 : 2

Sumber: Lembaga Peperiksaan. (2003). *Format Pentaksiran Pendidikan Moral Mulai SPM 2004*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kertas Dua menggunakan Kerja Kursus sebagai instrumen. Kerja Kursus bertujuan untuk menilai proses pembelajaran Pendidikan Moral secara berterusan dan menyeluruh di peringkat Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Kerja Kursus ini akan memberikan peluang kepada pelajar untuk mengamalkan keperibadian akhlak yang mulia dan menunjukkan ketrampilan dan kemajuan diri sendiri. Proses penilaian Kerja Kursus dilakukan melalui dua elemen, iaitu:

- a) Sahsiah yang merupakan laporan terhadap penghayatan dan amalan nilai moral pelajar semasa berinteraksi dan menyelesaikan sesuatu masalah serta membuat keputusan.
- b) Iltizam yang merupakan laporan terhadap penglibatan dan tanggungjawab pelajar dalam melaksanakan tugas harian dan kerja amal. Laporan ini harus dikumpul sebagai folio pelajar.

Kertas Dua dilaksanakan dalam tempoh 7 hingga 9 bulan di peringkat sekolah semasa pelajar-pelajar berada di Tingkatan 4 sehingga ke Tingkatan 5. Pihak sekolah diminta mengeluarkan sijil kepada pelajar masing-masing. Gred folio tersebut akan diberikan berdasarkan kriteria yang berikut:

- a) Jumlah aktiviti yang disertai dalam bidang yang berbeza.

- b) Penyediaan folio yang lengkap.
- c) Penglibatan dan peranan pelajar dalam aktiviti.
- d) Kesan terhadap ketrampuilan dan kemajuan diri murid seperti insaf, kesedaran, iktibar dan perubahan sikap.
- e) Penyediaan bahan bukti yang lengkap (Chang Lee Hoon, Zarin bin Ismail & Vishalace, 2008).

Jadual 5: Format Pendidikan Moral 1225 mulai 2004

Perkara	Kertas 1	Kertas 2
Jenis instrumen	Ujian Subjektif	Kerja Kursus
Jenis item	Bahagian A – struktur Bahagian B – esei	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Laporan Sahsia <ul style="list-style-type: none"> - Pemerhatian - Laporan ◆ Folio <ul style="list-style-type: none"> - Mengumpul maklumat projek ◆ Tugas (tajuk LPM) <ul style="list-style-type: none"> - Tugas
Bilangan soalan	Bahagian A – 8 soalan (jawab semua) Bahagian B – 3 soalan (pilih 2)	
Jumlah Markah	Bahagian A – 80 Bahagian B – 20 Jumlah = 100	Pelaporan markah adalah berasaskan sekolah
Tempoh Ujian	2 ½ jam	7 hingga 9 bulan
Konstruk	Pengetahuan & Kefahaman 32% Kemahiran 68%	Penghayatan & Kemahiran
Cakupan Konteks	Mencakupi semua bidang pembelajaran dari Ting. 4 hingga Ting. 5	Mencakupi semua bidang pembelajaran dari Ting. 4 hingga Ting. 5
Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi = 5 : 3 : 2	

Sumber: Lembaga Peperiksaan. (2003). *Format Pentaksiran Pendidikan Moral Mulai SPM 2004*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Walau bagaimanapun, masih terdapat rungutan ibu bapa dan pelajar-pelajar sekolah tentang kerja kursus. Mereka menganggap pentaksiran tidak adil kerana calon-calon persendirian dikecualikan daripada menduduki Kertas Dua. Hal ini demikian kerana aspek sahsiah dan iltizam calon-calon persendirian tidak dapat ditaksir secara berterusan oleh pentaksir. Kepincangan turut berlaku apabila pelajar-pelajar menyediakan laporan kerja amal yang palsu. Mereka berpura-pura melaksanakan kerja amal dan mengambil gambar sebagai bukti. Ada juga ibu bapa yang berkomplot dengan menandatangani surat pengesahan sebagai bukti anak mereka melaksanakan kerja amal.

Sebuah kajian oleh Gan We Lee (2011), mendapati terdapat perbezaan antara nilai yang benar-benar diamalkan dan nilai moral yang dilaporkan dalam folio Pendidikan Moral semasa melaksanakan kerja amal di sekolah. Dalam kalangan responden kajian, wujud satu jurang pengetahuan dan amalan nilai. Berdasarkan dapatan kajian, Gan mencadangkan tambahan beberapa nilai moral sebagai kriteria pentaksiran supaya guru PM mempunyai kriteria pentaksiran yang lebih jelas semasa membuat pentaksiran. Selain itu, rungutan dalam pentaksiran domain afektif dan perlakuan moral sejak tahun 1997 masih belum diatasi. Ini termasuk masalah nisbah di antara guru dan pelajar, bilangan waktu interaksi guru PM dengan pelajar, pihak pentadbir sekolah

yang masih menganggap PM sebagai mata pelajaran sampingan, sikap guru yang tidak berminat dan permintaan agar markah kerja kursus sebagai sebahagian daripada markah peperiksaan pusat masih belum diselesaikan.

Sungguhpun begitu, terdapat juga guru yang berminat dan berpengalaman dalam mengajar PM tetapi bukan opsyen PM. Golongan guru ini tidak berpeluang didedahkan dengan pedagogi PM dan pengetahuan seperti teori moral yang menjadi asas dalam latihan perguruan guru opsyen PM. Sebab itu, timbulnya masalah ada guru yang salah tafsir kandungan dan pedagogi guru PM (Abd. Shatar Che Abd. Rahman, 2007).

Kemahiran Berfikir dalam Pentaksiran PM

Rungutan-rungutan lain tentang Ujian Bertulis juga berkisar kepada format pentaksiran yang terlalu “rigid”. Soalan-soalan peperiksaan yang bertanyakan nilai, definisi nilai dan huraian nilai tidak menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis. Calon perlu menghafal nilai dan definisi nilai agar dapat menggunakan kata kunci definisi nilai yang dihafal untuk menjawab soalan (Tan Lee Lee, 2006). Keadaan ini menyebabkan calon hanya dapat menguasai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dalam Taksonomi Bloom, iaitu mengingat dan memahami nilai.

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015, salah satu aspirasi yang ingin dicapai adalah melahirkan pelajar yang mempunyai Kemahiran Berfikir agar dapat bersaing di peringkat global. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan kerangka pentaksiran telah dijalankan dengan menambah jumlah soalan yang menguji Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Soalan-soalan yang berasaskan Taksonomi Bloom yang menguji kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan menjana. Pentaksiran akan diperkukuh dengan memasukkan kemahiran kreatif dan penyelesaian masalah. Menjelang tahun 2016, soalan yang menguji kemahiran ini akan membentuk sekurang-kurangnya 50 peratus daripada soalan mata pelajaran SPM (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013, Bab 4, m.s. 6). Keperluan PM adalah tidak sama seperti subjek konten lain seperti Sains dan tidak harus diperlakukan sedemikian. Bukan sekadar domain kognitif yang harus dinilai, tetapi adalah penting *melibatkan perkembangan emosi dan transformasi dalam perlakuan murid menerusi keupayaan masing-masing untuk mengembangkan moral mereka* (Vishalache, 2012).

Dengan pengenalan soalan-soalan KBAT, metodologi guru akan dipengaruhi. PM telah menjadi sebuah subjek “hafalan” di mana pentaksiran PM telah membentuk metodologi guru, khasnya tingkatan empat dan lima. Guru didapati gemar menggunakan metod hafalan walaupun sepatutnya rangka sukatan pelajaran PM tidak menjurus ke arah tersebut (Chang, 2010). Melalui sebuah tinjauan, Pushpavalli Appoo (2009) mendapati kurang aktiviti berpusatkan pelajar dilaksanakan disebabkan pelajar terpaksa menghafal nilai-nilai untuk mendapat gred yang baik dalam peperiksaan. Objektif utama guru PM didapati adalah menghabiskan sukatan pelajaran dan menyediakan pelajar mereka untuk peperiksaan. Jadi, metodologi yang dilaksanakan tidak dapat menanam nilai-nilai murni pada pelajar seperti yang dinyatakan dalam matlamat dan objektif PM.

Apabila ditanya tentang PM kepada sekumpulan pelajar yang telah mempelajari PM selama sebelas tahun di sekolah, Vishalache (2012) mendapati subjek ini adalah hanya tentang “menyalin nota dan menghafal nilai serta kata kunci bagi nilai tersebut” kepada mereka. Hal-hal sedemikian menyebabkan pelajar melabelkan subjek ini membosankan. Jauh lagi aspek afektif dan penghayatan nilai moral sehingga dapat menghasilkan generasi holistik yang dapat berfikir dengan mantap dan membuat pertimbangan yang betul. Penilaian dan pelaksanaan proses PM merupakan satu isu yang perlu diutamakan kerana setelah mempelajari PM selama 11 tahun, pelajar tidak dapat *melakukan munasabah* dan daripada set nilai-nilai yang dipelajari, tidak memberi kesan atau membawa *apa-apa perubahan dalam kehidupan mereka atau perkembangan diri mereka* (Vishalache, 2012).

Penutup

Secara lahiriah, PBS dan soalan-soalan KBAT dalam dokumentasi dan aspek perancangan adalah amat sesuai dengan subjek PM, sekiranya pelaksanaan yang dijalankan adalah bertetapan dengan penyuburan domain-domain utama PM dan dilaksanakan dengan telus oleh semua pihak terlibat, termasuk ahli keluarga. Pentaksiran yang sesuai harus diberi penekanan semasa pelaksanaan untuk memastikan matlamat dan objektif subjek PM tercapai dan merangkumi ketiga-tiga domain kognitif, afektif dan psikomotor.

Masih menjadi persoalan sama ada dengan pelaksanaan PBS dan KBAT, dapatkah insan holistik yang mempunyai jati diri yang kuat dapat dilahirkan dengan penekanan pada kemahiran kreatif dan penyelesaian masalah? Atau hanya terlaksana pada peringkat kertas peperiksaan sahaja? Adakah KBAT dapat menghasilkan pelajar holistik seperti diaspirasikan? Adakah benar-benar dapat menilai secara holistik pencapaian murid dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti kehendak FPK? Untuk menghasilkan “...*pelajar bersahsiah terpuji serta berkeperibadian tinggi...*”, “...*melahirkan insan yang seimbang dan harmonis ... berakhlak mulia, bertanggungjawab...*” seperti yang termaktub dalam FPK dan telah dijadikan kemuncak pendidikan negara Malaysia.

Dalam pentaksiran PM, bukan sekadar satu set nilai sahaja yang perlu ditaksir. Tidak mencukupi sekadar pelajar dapat memenuhi keperluan atau kehendak skema permarkahan peperiksaan. Kini pelajar berdepan dengan dunia yang penuh dengan unsur negatif melalui media massa, media elektronik yang senang mempengaruhi dan merosakkan sahsiah dan jati diri pelajar walaupun mereka mempelajari pendidikan nilai seperti Pendidikan Moral di sekolah. Ini jelas dilihat dengan peningkatan masalah sosial yang melanda pelajar dan remaja dalam masyarakat kita. Menurut Borba (2001), generasi muda kini berada dalam dunia yang toksik kepada moral. Oleh itu, pelajar perlu memperolehi kemahiran dan kompetensi dalam membuat pertimbangan dalam dunia yang berkembang pesat dalam menghadapi pelbagai situasi, dugaan dan cabaran yang tidak dapat dijangka. Generasi muda harus boleh membezakan yang benar dengan yang salah serta mempunyai keberanian untuk melaksanakan pegangan ini.

RUJUKAN

- Abd. Shatar Che Abd. Rahman. (2007). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru pendidikan moral tingkatan empat di sebuah sekolah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (Tesis yang tidak diterbitkan yang dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah).
- Borba, M. (2001). *Building moral intelligence*. San Francisco: Jossey-Bass
- Chang Lee Hoon, Zarin bin Ismail, & Vishalache Balakrishnan. (2008). *Longman esensi SPM pendidikan moral*. Selangor: Pearson Longman.
- Chang Lee Hoon. (2010). *An appraisal on the implementation of moral education for schools in malaysia*. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Joint Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Gan We Lee. (2011). Amalan dan laporan nilai moral semasa kerja amal dalam kalangan murid tingkatan empat. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Zon Sarawak 2011*. Kota Samarahan: IPGKTAR
- Hishamuddin Md. Tap, Jamilah Hj. Baron, & Sim Ee Hwa. (1993). *Revisi lengkap SPM pengetahuan moral KBSM edisi 1994/1995*. Petaling jaya: Sasbadi.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan malaysia 2013 – 2025*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Lembaga Peperiksaan. (2003). *Format pentaksiran pendidikan moral mulai SPM 2004*. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Muhamad Ashraff, C.M. Chin, Kathir D. (1997). *Prestasi dinamik pengetahuan moral SPM-KBSM*. Selangor: Federal Publications.
- Pushpavalli Appoo. (2009). *The development and evaluation of moral reasoning module for the teaching and learning of moral education*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. (Unpublished thesis submitted in fulfilment for the degree of doctor of philosophy).
- Sulaiman Shamsuri. (2008). *Memahami penilaian cara mudah*. Klang: DSS Publishing Enterprise.
- Tam Yeow Kwai. (2006). *Pendidikan moral: Konsep dan pedagogi pendidikan moral untuk pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP maktab-maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Budiman.
- Tan Kim Hock. (1998). *Skor A dalam SPM pengetahuan moral*. Selangor: Penerbitan Pelangi.
- Tan Lee Lee. (2006). *Fokus U SPM pendidikan moral*. Selangor: Penerbitan Pelangi.
- Vishalache Balakrishnan. (2010). The Development of Moral Education in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol 25, 89-101.
- Vishalache Balakrishnan. (2012). *Dilema kehidupan sebenar dalam pendidikan moral*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.